



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 5 TAHUN 2017**

---

**SEMAKAN KURSUS UNIVERSITI BAGI PELAJAR BUKAN WARGANEGARA  
PROGRAM SARJANA MUDA DAN PELAJAR WARGANEGARA DAN BUKAN  
WARGANEGARA PROGRAM DIPLOMA UPSI**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
17 Oktober 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

17 OKTOBER 2017

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2017**

**SEMAKAN KURSUS UNIVERSITI BAGI PELAJAR BUKAN WARGANEGARA  
PROGRAM SARJANA MUDA DAN PELAJAR WARGANEGARA DAN BUKAN  
WARGANEGARA PROGRAM DIPLOMA UPSI**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-159 Bilangan 10/2017 yang bersidang pada 17 Oktober 2017 telah bersetuju dengan semakan Kursus Universiti Pelajar Bukan Warganegara Program Sarjana Muda dan Pelajar Warganegara dan Bukan Warganegara Program Diploma UPSI.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-158 Bilangan 9/2017 pada 20 September 2017 telah meluluskan struktur Kursus Universiti bagi Program Diploma untuk Warganegara dan Bukan Warganegara.
- 2.3 Fakulti Sains Kemanusiaan memohon agar Kursus HNS3053 Masyarakat Malaysia (3 jam kredit) digantikan dengan kursus baharu, HNS2042 Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia (2 jam kredit).
- 2.4 Dasar MPU menetapkan pelajar bukan warganegara wajib mengambil Kursus Asas Bahasa Melayu sebagai komponen U1 tetapi kursus yang diluluskan digunapakai dalam Kursus Universiti adalah kursus BMK2012 Bahasa Melayu.
- 2.5 Struktur kursus bagi Program Sarjana Muda untuk warganegara diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-122 Bilangan 9/2014. Tiada struktur Kursus Universiti ditetapkan bagi pelajar bukan warganegara.

- 2.6 Senat Kali Ke-58 Bil. 3/2007 telah berbincang dan bersetuju menerima dan mengesahkan pengecualian kursus TITAS dan Hubungan Etnik kepada pelajar antarabangsa mulai kemasukan ambilan Semester Julai Sesi 2007/2008. Walau bagaimanapun, bagi Program Sarjana Muda Pendidikan empat (4) jam kredit bagi kursus Kursus TITAS dan Hubungan Etnik ini telah digantikan dengan Kursus AMC3012 Warisan Seni dan Budaya Malaysia dan HNS2032 Kesukarelawanan. Ini menyebabkan jumlah kredit bagi pelajar bukan warganegara Program Sarjana Muda kurang berbanding pelajar bukan warganegara Program Sarjana Muda Pendidikan
- 2.7 Mesyuarat Senat Kali Ke-154 Bilangan 5/2017 pada 25 Mei 2017 telah meluluskan struktur kursus bagi Program Sarjana Muda Pendidikan bagi warganegara dan bukan warganegara.
- 2.8 Mesyuarat Senat Kali Ke-69 Bil. 2/2009 telah memutuskan pelajar bukan warganegara wajib lulus Kursus BMU3052 Asas Komunikasi Bahasa Melayu sebagai ganti kepada Kursus BMW3032 Wacana Akademik Bahasa Melayu dalam komponen Kursus Universiti. Walau bagaimanapun, kedua-dua kursus iaitu Kursus BMW3032 Wacana Akademik Bahasa Melayu dan Kursus BMU3052 Asas Komunikasi Bahasa Melayu telah dimasukkan di dalam struktur Kursus Universiti Program Sarjana Muda Pendidikan. Kursus BMW3032 Wacana Akademik Bahasa Melayu adalah agak berat bagi pelajar bukan warganegara.

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

3.1.1 Struktur Kursus Universiti Program Diploma bagi warganegara dan bukan warganegara:

KELOMPOK	Warganegara			Bukan Warganegara		
	Kod	Nama Kursus	Kredit	Kod	Nama Kursus	Kredit
U1	HNS2052	Pengajian Malaysia 2	2			
U1	BMK2012	Bahasa Melayu	2	PBPU	Asas Komunikasi Bahasa Melayu 1	2
U2	BIU2022	English Proficiency 2	2	BIU2022	English Proficiency 2	2
U2	PKU2013	Asas Keusahawanan	3	PKU2013	Asas Keusahawanan	3
U2				*****	Pengayaan Diri (Kompetensi IT/ Bahasa Asing)	2
U3	HNS2042	Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia	2	HNS2042	Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia	2
U4	*****	Ko-kurikulum 1	1	*****	Ko-kurikulum 1	1
U4	*****	Ko-kurikulum 2	1	*****	Ko-kurikulum 2	1
U4	*****	Ko-kurikulum 3	1	*****	Ko-kurikulum 3	1
		<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>		<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>

3.1.2 Struktur Kursus Universiti Program Sarjana Muda bagi bukan warganegara:

KELOMPOK	Kod	Nama Kursus	Kredit
U1	HNI2013	Introduction To Malaysia	3
U1	PBPU	Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2	2
U1	HNF3012	Falsafah Ilmu	2
U2	BIU2032	English Proficiency 3	2
U2	BIU2042	English Proficiency 4	2
U2	PPI3012	Budaya Keusahawanan	2
U2	MTE3012	*Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi/ Pengayaan Diri	2
U3	AMC3012	Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2
U4	*****	Kokurikulum 1/2	2
U4	HNS2032	Kesukarelawanan	2
		<b>JUMLAH Jumlah</b>	<b>221</b>

3.1.3 Struktur Kursus Universiti Program Sarjana Muda Pendidikan bagi bukan warganegara:

KELOMPOK	SARJANA MUDA PENDIDIKAN		
	Kod	Nama Kursus	Kredit
U1	HNI2013	Introduction To Malaysia	3
U1	PBPU	Asas Komunikasi Bahasa Melayu 2	2
U1	HNF3012	Falsafah Ilmu	2
U2	BIU2032	English Proficiency 3	2
U2	BIU2042	English Proficiency 4	2
U2	PPI3012	Budaya Keusahawanan	2
U3	AMC3012	Warisan Seni dan Budaya Malaysia	2
U4	*****	Kokurikulum * Sukan * Kelab/Persatuan * Unit Beruniform	3
U4	HNS2032	Kesukarelawanan	2
		<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>

3.1.3.1 Pelajar bukan warganegara yang merupakan penutur Bahasa Melayu (perlu menduduki ujian penempatan) atau Berstatus Pemastautin Tetap (PR) mesti mengambil salah satu kursus seperti berikut:

- a. Kursus Asas Komunikasi Bahasa Melayu II atau BMW3032 Wacana Akademik Bahasa Melayu seperti pelajar bagi Program Sarjana Muda.
- b. Kursus Asas Komunikasi Bahasa Melayu I atau BMK2012 Bahasa Melayu bagi Program Diploma.

3.2 Pindaan ini berkuatkuasa mulai Semester 2 Sesi 2017/2018 bagi Diploma dan Sarjana Muda.

#### 4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 17 Oktober 2017.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik